

## Memuliakan Tetamu (Dif) dan Orang-orang Yang Bertandang

Pengajaran Islam adalah meliputi dari segala segi hidup. Islam menganjurkan supaya tiap-tiap dif (tetamu) dihormati dan dilayan dengan baik walaupun ia bukan seorang Islam. Ini bertambah-tambah lagi kalau ia seorang Islam. Kalau seorang datang berkunjung (ziarah) kepadanya maka hendaklah ia terima orang itu dengan baik dan layanan yang baik sekalipun orang itu ia tidak berkenan kepadanya. Islam nyata mengajar supaya pemeluk-pemeluknya berlapang hati dan suka memaafkan atas suatu yang terjadi di atas perbuatan seseorang. Perhatikan di bawah ini keterangan-keterangan mengenai hal permasalahatan yang mustahak ini dengan didasarkan kepada kitab Allah dan sunnah.

Dasar-dasar pembicaraan memuliakan tamu ini dapat dibahagikan

begini;

A. Firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*:

“Dan mereka mengutamakan tetamu yang bermalam pada mereka atas diri mereka sendiri, walaupun mereka sendiri dengan kerananya menahan kelaparan. Dan barang siapa dipelihara dari kikiran kebakhilan jiwa, maka merekalah orang-orang yang mendapat kesenangan” (al-Qur’ān surah al-Ḥashr)

B. Sabda Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*:

1. “Barangsiapa beriman akan Allah dan akan Hari Kesudahan, hendaklah ia memuliakan tetamu, dan barangsiapa beriman akan Allah dan Hari Kesudahan, hendaklah ia menghubungi Rahim-Nya, dan barangsiapa beriman akan Allah dan Hari Akhirat, hendaklah ia menuturkan kebajikan atau hendaklah ia diam sahaja” (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim).
2. “Beribadatlah kamu pada malam hari, dan tidurlah kamu pada malam hari. Berpuasalah kamu pada siang hari dan berbukalah kamu,

kerana tubuhmu itu mempunyai hak yang wajib

kamu penuhi dan bahawa bagi tetamu-tetamumu yang menziarahi kamu ada juga hak-haknya yang wajib kamu menyempurnakannya” (Hadith riwayat Bukhari)

3. “Barangsiapa menyembelih untuk tetamunya, menjadilah sembelihan itu tebusannya dari api neraka” (Hadith riwayat al-Hakim)

### Pengertian “memuliakan tetamu”

Memuliakan tamu ialah:

“Menerima mereka yang datang, mendatangi kita untuk bermalam semalam dua, serta menjamunya dan memberikan perbekalan kepadanya tatkala ia pergi (pulang)”

Sebenarnya kaum Muslimin jika pergi melawat ke suatu tempat, tidak perlu berusaha mencari hotel untuk tempat tumpangan, kerana segala rumah saudaranya yang seagama, dapat digunakan sebagai rumah tumpangannya, bahkan lebih daripada itu. Demikian keadaan “pertemuan” pada masa akhlak Islam masih bersemi kukuh dalam jiwa kaum Muslimin.

Ringkasnya *diyāfah*, atau “menjamu tetamu yang

datang” dipandang suatu keutamaan terhitung suatu kemuliaan budi. Bahkan memuliakan tamu sebagaimana mestinya, dipandang tanda kebenaran iman.

Orang-orang perantau pada zaman Nabi apabila tiba di Madinah, sentiasa mendapat perhatian yang sewajarnya dari penduduk Madinah.

Maka oleh kerana pertemuan ini suatu urusan keagamaan. Nabi pun menerangkan aturan-aturannya yang harus kita ikuti.

### **Cara-cara Muliakan Tamu;**

Untuk mengetahui bagaimana seharusnya kita umat Islam memuliakan tetamu yang datang, baiklah kita perhatikan kandungan sabda Nabi yang tersebut di bawah ini:

“Barang siapa beriman akan Allah dan Hari Akhirat, hendaklah ia memuliakan tetangganya. Barang siapa beriman akan Allah dan Hari Akhirat, hendaklah ia memuliakan tetamunya, yakni memberi ((*ja'izah*)) kepadanya. Tatkala Nabi menyebut *ja'izah* sahabat-sahabat bertanya:

“Apakah *ja'izah* itu ya Rasulullah” menjawab

Nabi: sehari semalam. Dan pertemuan itu tiga

hari tiga malam lamanya, maka apabila telah lebih dari

tiga hari tiga malam, segala yang kita berikan

kepada tamu, (umpamanya makan minumannya), dihukum

sedekah. Barang siapa beriman akan Allah dan Hari

Kesudahan, hendaklah ia menuturkan kebajikan

atau hendaklah ia berdiam diri sahaja” (Hadith

riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Makna *ja'izah* ialah: (a) memberi jamuan yang baik untuk sehari semalam. Hari kedua, ketiga dibolehkan sekadarnya atau (b) memberi belanja sehari

semalam ketika tamu akan pergi.

Hadith ini memberikan ajaran tentang cara memuliakan tamu dan hak menjamunya. Iaitu: apabila seseorang tamu datang ke rumah kita dan bermalam pada kita, hendaklah kita menjamunya pada malam yang pertama dengan sebaik-baiknya dan dengan apa yang kita dapat sediakan. Pada hari yang kedua dan ketiga berikan apa yang mudah sahaja. Sesudah tiga hari tiga malam kita melayaninya sebagai tamu, habislah sudah haknya dan habis pulalah kewajipan kita terhadapnya. Pada hari ia hari itu (*ja'izah*), iaitu: “belanjanya untuk sehari semalam lamanya”.

Jika tamu kita tidak berangkat dari rumah kita pada hari yang ketiga, maka segala yang kita berikan kepadanya, dihukum sedekah. Haknya sebagai tamu telah habis, dan kewajipan kita melayaninya sebagai tamu sudah selesai.

Dalam hari yang ketiga itu memang kita diwajibkan agama memuliakannya. Bahkan agama memberikan hak kepada tamu mengambil haknya dari kita.

Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bersabda:

“Jika kamu singgah sebagai tamu pada sesuatu kaum, lalu mereka pun menyediakan apa yang patut untuk kamu sebagai tetamunya, terimalah akan dia dengan baik. Jika mereka tidak memperdulikan keadaanmu, tidak mereka melayani kamu sebagaimana patutnya orang melayani tamu, maka dibolehkan kamu mengambil dari mereka hak tetamu sekadar yang layak mereka berikan”. Hadith riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Seterusnya perlu ditegaskan batas batas pertemuan itu

tiga hari tiga malam sahaja. Lewat dari itu para tetamu tak boleh lagi tinggal di rumah kita kecuali dengan kesukaan yang menerimanya. Hal ini mengingat hadith Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*:

“Dan tiada halal (boleh) bagi tetamu berdiam lama-lama di rumah orang yang menerimanya, kerana yang demikian itu memberatkan tuan rumah” (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim).

“Diberitakan Abū Hurairah bahawa telah pernah datang seorang lelaki kepada Rasul seraya menerangkan bahawa dia itu seorang yang sangat sengsara keadaannya. Maka Rasul menyuruh ditanyakan kepada salah seorang Ummul Mukminin tentang adakah makanan yang dapat diberikan kepada lelaki yang baharu datang itu. Ummul Mukminin yang ditanyakan itu menjawab bahawa tak ada sesuatu makanan yang dapat disediakan untuk tetamu. Yang ada pada rumah Rasul pada ketika itu hanyalah air. Kemudian Nabi menyuruh bertanya kepada Ummul Mukminin yang lainnya. Maka jawapan yang diperoleh serupa juga. Sehabis ditanya kepada semua Ummul Mukminin, Nabi pun bertanya kepada sahabat-sahabat, kalau-kalau ada yang sanggup menjamu lelaki itu untuk satu malam sahaja.

Seorang Anṣārī menjawab bahawa dia sanggup menjamu lelaki itu. Sejurus kemudian pulanglah Anṣārī itu ditemani tetamunya. Sesampai di rumahnya bertanya kepada isterinya tentang makanan yang dapat disediakan. Isteri Anṣārī itu menjawab, bahawa yang ada tersedia sekadar cukup untuk makanan anak-anaknya sahaja. Mendengar itu Anṣārī itu berkata: “Kalau demikian lalai-lalaikanlah anak kita supaya tertidur. Dan apabila tetamu kita mulai makan, padamlah lampu dan berpura-puralah kita turut makan bersama-sama. Segala perintah Anṣārī itu dituruti oleh isterinya. Dengan demikian tidurlah anak beranak dengan

menahan kelaparan.

Maka pada pagi hari esoknya Anṣārī pun menemui Rasulullah, maka beliau pun berkata kepadanya: Tuhan bersenang hatinya melihat perbuatanmu semalam ini. Dan seketika itu turunlah ayat “Dan mereka mengutamakan tetamunya atas diri mereka sendiri dengan mahu menahan lapar”. (Hadith riwayat Bukhari dan Muslim).

### **Adab Menerima Tetamu.**

Memuliakan tamu itu melengkap: menyambut kedatangan dengan air muka yang jernih dan menyenangkan hatinya selama ia berada ditempat kita (dalam watas diyāfah) dan memperkatakan hal yang baik-baik dengan dia. Pun masuk ke dalam memuliakan tetamu, mendudukkannya di tempat yang baik dan kita melayaninya sendiri. Dan terus selama tiga hari kita memberikan makan minumannya.

A. Maka apabila ada seorang tamu hendaklah kita bersegera memberikan makanannya.

Kata Khātīm al-Shām:

“Bergegas-gegas itu tabiat syaitan, terkecuali bergegas-gegas dalam lima perkara: 1. Dalam menyediakan makanan untuk tamu yang datang. 2. Mentakziskan jenazah. 3. Mengahwinkan perempuan (gadis) biker. 4. Menyelesaikan hutang, dan 5. Bertaubat dari dosa. Lima perkara ini dari sunnah Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*”.

B. Dan hendaklah kita hidangkan sekadar yang mudah kita mengusahakannya, yang tidak memberatkan kita menghasilkannya.

Kata Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* kepada ‘A’ishah *raḍīya Allah:*

“Janganlah engkau, wahai ‘A’ishah memberat-beratkan

diri untuk tetamu yang menyebabkan engkau jemu kepadanya. Hanya, berilah kepadanya apa yang engkau makan sendiri” (Hadith riwayat al-Saraji).

Kata Salmān:

“Sekiranya kami tidak ditegaskan dari memberat-beratkan diri dalam menyambut kedatangan tamu, tentulah saya memberat-beratkan diri dalam memuliakan tetamu saya itu” (Hadith riwayat Ahmad)

C. Dan hendaklah tuan rumah mengajak sendiri

tamunya makan dan pada ketika pergi hendaklah dihantar ke pintu rumah”

Kata Abū Hurairah:

“Bahawa dari sunnah Rasulullah, ialah: menghantar para tetamu sampai ke pintu rumah”. (Hadith riwayat Ibn Hajah)

### Siapakah Gerangan yang Dinamai Tetamu?

Tetamu atau dif dalam bahasa Arab, ialah:

“Orang yang sengaja mendatangi kita untuk tinggal pada kita semalam dua”

Inilah takrif tetamu yang dikehendaki dalam pembahasaan kita ini.

### Manakah yang dikehendaki dengan “*diyāfah*” dan apakah perbezaannya dengan persediaan makanan yang lain-lain?

*Diyāfah*, ialah: “Makanan yang kita hidangkan atau selenggarakan untuk orang yang menjadi tamu kita” yang telah diterangkan di atas tadi.

Selanjutnya untuk mengetahui perbezaan *diyāfah* dengan persediaan-persediaan yang lain, baiklah kita perhatikan uraian di bawah ini:

A. Makanan yang disediakan untuk diberikan kepada orang-orang yang diundang berkenaan dengan kerana mengkhatakan

anak, dinamai: *a’dhar*.

B. Makanan yang disediakan untuk dihidangkan kepada orang-orang yang dipanggil berkenaan dengan lahir anak dinamai *‘aqīqah*. Jamuan ini dilakukan pada hari ketujuh dari hari kelahiran anak.

C. Makanan yang disediakan untuk diberikan kepada orang-orang diundang kerana sejahtera isteri yang bersalin, dinamai: *khurūs*, atau makanan *wilādah*.

D. Makanan-makanan yang disediakan untuk diberikan kepada orang-orang yang diundang kerana kembali seseorang musafir, dinamai: *naqī‘ah*.

E. Makanan yang diselenggarakan untuk diberikan kepada orang-orang yang dimaksudkan berkenaan dengan memasuki rumah baharu, dinamai: *waqīrah*.

F. Makanan-makanan yang disediakan kerana sesuatu bencana yang menimpai, dinamai: *waqīmah*.

G. Makanan-makanan yang diselenggarakan untuk diberikan kepada orang-orang yang dikehendaki dengan tidak sesuatu sebab, semata-mata kerana hendak mengukuhkan<sup>1</sup> perhubungan, dinamai: *ma’dubah* (makan-makan).

H. Makanan-makanan yang disediakan di kala melaksanakan akad nikah, dinamai: *walimah akad* (walimah nikah).

I. Makanan-makanan yang disediakan sesudah mendekati isteri yang baharu dikahwini itu, dinamai: *walimatu al-‘urūs*, (walimah yang diselenggarakan sesudah *dukhūl*)

J. Makanan yang disediakan di kala anak-anak mengkhatakan al-Qur’ān, dinamai: *idhāq*.

K. Makanan yang disuguhkan kepada seseorang yang datang berziarah kepada kita dinamai: *tuḥfah za’ir*.

Dengan demikian jelasnya bahawa seseorang yang datang mengunjungi kita untuk satu dua jam umpamanya, dinamai

(sambungan pada muka 37)

<sup>1</sup> Sepatutnya: mengukuhkan

(sambungan dari muka 12)

zā'ir (pengunjung), bukan dinamai dif (tetamu).

Dengan memperhatikan uraian-uraian yang ringkas ini, nyatalah mana yang dinamai diyāfah yang wajib kita selenggarakan kepada tetamu yang datang dengan sengaja untuk tinggal di rumah kita selama satu dua hari dan mana yang dinamai zā'ir.

1. Sedikit penjelasan: Perkataan ((walimah)), apabila diiṭlaqqan, dikehendaki “peralatan pernikahan sesudah akad”, atau “walimah al-‘urūs”, sesudah dukhūl. Inilah yang diperintahkan Nabi dengan sabdanya: “Buatlah walimah walau dengan seekor kambing”. Dan apabila dikehendaki dengan walimah perjamuan yang lain dari walimah al-‘urūs, hendaklah diqa’idkan. Dikatakan umpamanya: walimah khatam dan sebagainya. Kata sebahagian ahli lughah: walimah nama bagi segala perjamuan yang dihidangkan untuk sekumpulan orang. Perkataan ‘urūs (‘urūs) bererti: menyumbangkan mempelai perempuan kepada mempelai lelaki untuk didukhulkan dan bererti perjamuan yang berkenaan dengan yang tersebut. Perkataan ‘arūs, bererti: isteri yang masih dalam sifat pengantin.

### **Mengunjungi Sahabat dan Memuliakan Pengunjung**

Sesuatu urusan yang perlu juga dipentingkan, ialah: pekerjaan mengunjungi sahabat, walaupun berdiam di tempat yang jauh di luar kota.

Dengarlah sabda Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*:

“Seorang lelaki mengunjungi saudaranya (sahabatnya) yang jauh tinggal di desa. Maka Allah memerintahkan seorang

malaikat menunggu orang itu di jalan masuk ke desa itu. Pada ketika yang datang itu sampai, malaikat pun bertanya kepadanya: Engkau bermaksud ke mana? Menjawab orang tersebut, saya hendak menziarahi seorang sahabat saya di kampung ini. Bertanya malaikat: Apakah engkau ada mengharapkan sesuatu daripadanya? Menjawab orang yang datang itu, tidak. Saya mengunjungi semata-mata kerana persahabatan, semata-mata kerana saya menyukainya kerana Allah. Mendengar itu malaikat tersebut berkata: Kalau demikian, saya ini pesuruh Tuhan kepadamu,

### **BUKU2 RUMI:**

#### **(a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:**

1. Tunas Baru (ABC)	(Abdul Rahman H. Said)	1.50
2. Tunas Baru I		1.00
3. Tunas Baru II, III, dan IV	Abdul Rahman M. Said	1.50
4. Senang Bacha I dan II	(Hasan Basri) satu	80
<b>(b) Buku2 Bacaan Tambahan untuk Sekolah Rendah:</b>		
5. Kuching Hitam (A. H Edrus)		.30
6. Peristiwa Hari Sabtu	“	.30
7. Nabi Sulaiman dengan Semut		.30
8. Lutong Sakti I	“	.35
9. Lutong Sakti II	“	.35
10. Karun Dengan Harta-nya		.35
11. Pekebum Yang Tama’	“	.35
12. Lembu Chantek	“	.35
13. Kisah Minangkabau	“	4
14. Sutan Balun	“	.40
15. Puteri Balqis	“	45
16. Penduduk Gua	“	.50
17. Sebab Harimau	“	50
18. Cherita Burong Hantu	“	.75
19. Nakhoda Dengan Datok Perpateh		.30
20. Si – Buta		.30

### **Q A L A M**

356 & 358, Geylang Road,  
Singapore 14.

menyampaikan khabar, bahawa Allah menyintaimu” (Hadith riwayat Muslim)

Benar sungguh usaha kunjung mengunjung ini suatu usaha keagamaan yang perlu dipentingkan untuk mengukuhkan tali persahabatan yang telah terdahulu antara seorang dengan seseorang.

Selanjutnya, sebagaimana kita dituntut menziarahi teman sahabat dituntut pula memuliakan pengunjung yang berziarahi itu.

Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, bersabda: “Apabila datang kepadamu seseorang *zā’ir* (pengunjung) yang menziarahimu, hendaklah kamu memuliakannya” (Hadith riwayat Ibn Majah)

Untuk kepentingan para pengunjung (orang yang melakukan kunjungan itu), agama menghendaki supaya kita hidangkan kepadanya sesuatu yang dapat kita hidangkan. Kerana itu, hendaklah kita selalu menyediakan sesuatu makanan yang patut dihidangkan kepada pengunjung-pengunjung yang datang itu.

Sentiasalah sahabat-sahabat Nabi menyediakan sesuatu makanan di rumahnya, semthal kurma, untuk dijadikan santapan pengunjung-pengunjungnya.


Akan tetapi. Kunjung mengunjung ini pada masa kita sekarang, hanya terjadi dari orang bawah kepada orang atas sahaja. Jarang terjadi sebaliknya. Kerap kali kita lihat yang datang itu sentiasa orang terkemuka dan terpendang. Hal ini mengesankan bahawa ziarah menziarahi yang terjadi dalam masyarakat, adalah berdasarkan sesuatu yang diharapkan dari orang-orang yang diziarahi, bukan

berdasarkan persaudaraan semata-mata, sebagai yang dikehendaki oleh hadith yang di atas ini.

Berkunjung mengunjunglah wahai umat, supaya tali persahabatan dan persaudaraan selalu terjaga dan terpelihara.

(Dipetik dari karangan Al-‘Allāmah Kiyai Hasbi

Ash-Ṣhiddīqey)



## Bacalah!

### Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita yang indah dan menarik, buah Qalam Jurji Zaydan, pengarang Mesir yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang masyhur – Ṭāriq ibn Ziyād, menggempur tentera Sepanyol dan menghancurkan leburkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di semenanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa di lapan kurun.

**2 penggal tamat.**

**Sepenggal \$1.20**

**(naskhah rumi:**

**Sebuah \$3.00)**

**Pesanlah kepada penerbitnya:**

**Qalam, Singapura**

